

DRAF **RANCANGAN TEMPATAN DAERAH** **PONTIAN-BATU PAHAT** **(PENGgantian) 2030**

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pontian Bersih, Indah dan Menarik



MAJLIS DAERAH PONTIAN

PENGENALAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PONTIAN-BATU PAHAT (PENGgantian) 2030

Risalah ini adalah ringkasan daripada Laporan Draf Rancangan Tempatan Daerah Pontian - Batu Pahat (Penggantian) 2030. Dokumen ini menerangkan cadangan-cadangan pembangunan di dalam Daerah Pontian. Segala perincian hendaklah merujuk kepada Draf Rancangan Tempatan Daerah Pontian-Batu Pahat (Penggantian) 2030.

APAKAH RANCANGAN TEMPATAN DAERAH

Rancangan Tempatan Daerah adalah satu dokumen perancangan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) yang menjelaskan semua cadangan pembangunan secara terperinci bagi sesuatu kawasan PBPT

KEPERLUAN PENGGANTIAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PONTIAN-BATU PAHAT




- Persempadanan semula 3 PBT :
- a. Majlis Perbandaran Batu Pahat
 - b. Majlis Daerah Yong Peng
 - c. Majlis Daerah Pontian



- Dasar & Pelan Strategik :
- a. Dasar Perumahan Rakyat Johor
 - b. Rancangan Fizikal Negara ke-3
 - c. Dasar Perbandaran Negara ke-2
 - d. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPF Desa Negara)
 - e. Pelan Pembangunan Komprehensif (CDPii) Iskandar Malaysia 2014-2025
 - f. Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor 2014-2020.



- Pengubahan RT asal :
- a. RT Daerah Batu Pahat 2002-2020 (Pengubahan)
 - b. RT Daerah Pontian 2002-2015(Pengubahan)



- Penyelarasan Kajian :
- a. Pelan Induk Koridor Pembangunan Selat Johor (KPSJ) 2025
 - b. RKK Pekan Semerah 2015-2025
 - c. RKK Pekan Rengit 2015-2025
 - d. RKK Pekan Senggarang 2015-2025
 - e. RKK Bandar Parit Raja 2015-2025
 - f. RKK Bandar Penggaram
 - g. RKK Permas Kechil-kukup 2015
 - h. RKK Pontian Utara 2020

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Subseksyen 16(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), “Pihak berkuasa perancang tempatan boleh pada bila - bila masa, membuat cadangan untuk pengubahan, pembatalan, atau penggantian suatu rancangan tempatan”.

PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN PENGGANTIAN

PERINGKAT 1 Subseksyen 12 A, Akta 172
Mobilasi



PERINGKAT 2 Subseksyen 12, Akta 172
Penyediaan Draf RT




PERINGKAT 3 Subseksyen 13, Akta 172
Publisiti dan Penyertaan Awam
Subseksyen 14, Akta 172



PERINGKAT 4 Subseksyen 15 (1), Akta 172
Pewartaan & Pembatalan RT
Subseksyen 15 (1c), Akta 172
Subseksyen 15 (4), Akta 172



GUNATANAH SEMASA DAERAH PONTIAN




JENIS GUNA TANAH		KELUASAN (hektar)	PERATUS (%)
	Perumahan	606.21	0.65
	Komersial	364.99	0.39
	Industri	786.88	0.84
	Institusi dan Kemudahan Masyarakat	1,049.80	1.13
	Tanah Lapang dan Rekreasi	120.96	0.13
	Pengangkutan	4,973.41	5.33
	Infrastruktur dan Utiliti	109.15	0.12
Guna Tanah Tepubina		8,011.40	8.59
	Hutan	9,010.24	9.66
	Badan Air	3,893.70	4.18
Rizab Hutan dan Badan Air		12,903.94	13.84
	Pertanian	72,274.47	77.49
Kawasan Pertanian		72,274.47	77.49
	Tanah Kosong	74.19	0.08
Tanah Kosong		74.19	0.08
Jumlah		93,264.00	100.00



PROFIL DAERAH PONTIAN


2010 Jumlah Penduduk **149,938** orang (KPPT - 0.49%)

2030 Jumlah Penduduk **230,740** orang (KPPT - 2.03%)
Peratus Penduduk Warganegara dan Bukan Warganegara Daerah Pontian Tahun 2010




** (KPPT) Kadar pertumbuhan Penduduk Tahunan

Jumlah Penduduk Daerah Pontian Mengikut Komposisi Kaum Tahun 2010




TABURAN GUNA TENAGA AKTIF MENGIKUT SEKTOR PEKERJAAN BAGI NEGERI JOHOR, 2010



GUNATENAGA DAERAH PONTIAN

Penduduk Umur Bekerja (15-64 Tahun) **95,217** orang
 Penduduk Bekerja (Guna Tenaga Aktif) **40,932** orang

Jumlah Penduduk Daerah Batu Pahat Mengikut Jantina Tahun 2010



ISU STRATEGIK DAN POTENSI

ISU STRATEGIK

EKONOMI



- Pertambahan kemasukan warga asing
- Migrasi keluar penduduk kerana tarikan peluang pekerjaan yang lebih menarik di luar kawasan daerah
- Lebihan penawaran ruang perniagaan
- Gerai penjaja yang tidak terancang
- Kawasan perindustrian yang terbiar kosong
- Pembangunan IKS dijalankan secara tidak formal
- Kemudahsampaian ke produk-produk pelancongan adalah rendah
- Kekurangan guna tenaga di dalam sektor pertanian

FIZIKAL



- Rebakan tepubina berhampiran KSAS
- Mempunyai kawasan tanah rendah yang berisiko banjir
- Tahap liputan perkhidmatan awam yang rendah
- Kekurangan laluan pejalan kaki
- Imej dan identiti bandar / kawasan utama kurang menonjol
- Perancangan dan pengurusan sistem perhubungan jalan raya yang kurang berkesan.
- Kekurangan penyediaan rangkaian untuk aktiviti antara kawasan tumpuan penduduk dengan kawasan rekreasi

SOSIAL



- Kekurangan penawaran perumahan mampu milik dan pembangunan perumahan berskala kecil
- Penyediaan kemudahan masyarakat tidak mematuhi piawaian perancangan
- Liputan kemudahan infrastruktur dan pengangkutan awam yang tidak menyeluruh ke kawasan luar bandar
- Kemudahan utiliti sedia ada tidak dapat menampung keperluan akan datang

ALAM SEKITAR



- Penerokaan kawasan hutan bakau untuk pembangunan
- Kawasan pantai mengalami masalah hakisan
- Aktiviti penambakan laut boleh mengganggu hidupan akuatik dan kemusnahan kawasan rumpai laut

POTENSI



Pembangunan Pelancongan

Kepelbagaian sumberjaya tarikan pelancongan yang menarik di Daerah Pontian seperti Tapak RAMSAR iaitu pelancongan berasaskan alam semulajadi/eko dan Daerah Pontian juga dikenali 'Penghujung Benua Asia.

Pembangunan Perindustrian

Perusahaan agro-pelancongan dan produk industri berasaskan makanan berpotensi untuk dimajukan.

Pembangunan Perniagaan

Perubahan sektor pertanian kepada industri pembuatan memberi peningkatan permintaan dan penawaran dalam sektor perniagaan.

Pembangunan Pertanian

Mempunyai sumberjaya pertanian yang banyak bagi memperluas industri asas tani serta mempunyai kawasan perairan yang baik untuk penternakan akuakultur.

Rekreasi dan Lanskap

Terdapat aset sungai (Sungai Pontian Kechil, Sungai Pontian Besar dan Sungai Tampok Laut, Sungai Pinggan dan Sungai Benut) yang berpotensi dijadikan kawasan rekreasi serta mempunyai hutan paya bakau dan pantai yang menjadi daya tarikan penduduk menjalankan aktiviti rekreasi

MATLAMAT DAN OBJEKTIF

MATLAMAT PEMBANGUNAN



“Mengembangkan aktiviti ekonomi Daerah Pontian Berteraskan Pelancongan, Pertanian dan Perindustrian ke arah daerah yang berdaya maju, sejahtera dan mampan”

OBJEKTIF

1

Merancang dan mengawal corak pembangunan guna tanah secara bersepadu dan mampan

2

Merancang dan memperkasakan pembangunan ekonomi yang berdaya saing bagi membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat

3

Mempertingkatkan fungsi pusat-pusat petempatan mengikut hierarki dan fungsi bandar yang saling sokong-menyokong pembangunan daerah keseluruhannya



4

Mempromosikan produk-produk eko dan agro pelancongan sebagai tarikan pelancongan bagi menjana ekonomi penduduk setempat

5

Meningkatkan dan mempelbagaikan produktiviti pertanian dan penternakan sedia ada bagi mengukuhkan ekonomi daerah



6

Merangka pembangunan industri dengan kemudahan infrastruktur sokongan yang lebih komprehensif

7

Memperkukuhkan imej Daerah Pontian sebagai *Southern Sanctuary* bagi menarik pelabur dan pelancong

8

Mengekalkan, memelihara sumberjaya semulajadi dan kawasan persisiran pantai secara mampan dalam mencapai kelestarian alam sekitar



9

Mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat melalui penyediaan perumahan yang mencukupi dan kemudahan asas yang menyeluruh bagi mencapai kesejahteraan rakyat

10

Merancang dan mewujudkan rangkaian sistem pengangkutan dan pengurusan lalu lintas serta infrastruktur yang bersepadu dan efisien

11


Memperkasakan sistem urustadbir Pihak Berkuasa Tempatan melalui projek-projek yang strategik dan berdaya laksana



KONSEP DAN TERAS PEMBANGUNAN

“PEMBANGUNAN SECARA TERTUMPU DAN TERKAWAL”

TERAS 1	PERANCANGAN GUNA TANAH YANG OPTIMUM DAN HOLISTIK
TERAS 2	PERTUMBUHAN EKONOMI YANG BERDAYA MAJU DAN BERDAYA TAHAN
TERAS 3	PENINGKATAN TARAF DAN KUALITI HIDUP
TERAS 4	SISTEM RANGKAIAN PERHUBUNGAN DAN INFRASTRUKTUR YANG KOMPREHENSIF
TERAS 5	PENGURUSAN SUMBERJAYA SEMULAJADI SECARA MAMPAN
TERAS 6	SISTEM TADBIR URUS YANG CEKAP



Petunjuk:

ZON PEMBANGUNAN KORIDOR

- Koridor Primer
- Koridor Skunder
- Koridor Nukleus
- Koridor Masa Hadapan

ZON KAWALAN PEMBANGUNAN


- Kawasan Potensi Pertanian dan Penternakan

PENGANGKUTAN

- Cadangan TOD 3 – Bandar Pontian
- Cadangan Stesen Rel Kukup
- Cadangan Pelabuhan Kukup
- Cadangan Jalan Baru

- Pusat Separa Wilayah Negeri
- Pusat Petempatan Utama
- Pusat Petempatan Kecil

PELAN CADANGAN GUNATANAH DAERAH PONTIAN 2030



	JENIS GUNA TANAH	KELUASAN (hektar)	PERATUS (%)
	Perumahan	6,095.08	6.54
	Komersial	935.24	1.00
	Industri	4,655.06	4.99
	Institusi dan Kemudahan Masyarakat	1,280.69	1.37
	Tanah Lapang dan Rekreasi	190.16	0.20
	Pengangkutan	5,278.88	5.66
	Infrastruktur dan Utiliti	237.43	0.25
	Guna Tanah Tepubina	18,672.54	20.02
	Hutan	9,010.24	9.66
	Badan Air	3,893.70	4.17
	Rizab Hutan dan Badan Air	12,903.94	13.84
	Pertanian	61,687.52	66.14
	Kawasan Pertanian	61,687.52	66.14
	Jumlah	93,264.00	100.00

TERAS 1



PERANCANGAN GUNA TANAH YANG OPTIMUM DAN HOLISTIK

STRATEGI PEMBANGUNAN


- 1 Mengintegrasikan cadangan pembangunan guna tanah dengan infrastruktur yang bersepadu
- 2 Memelihara dan mengekalkan kawasan sensitif alam sekitar
- 3 Menjalankan pembangunan di dalam had sempadan pembangunan yang dibenarkan

Unjuran Keperluan Guna Tanah 2030

JENIS GUNA TANAH	TAHUN UNJURAN (HEKTAR)			
	2015	2020	2025	2030
Perumahan	4,772.00	5,135.00	5,527.00	5,932.00
Komersial	57.59	60.42	67.96	76.07
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	927.06	956.84	986.62	1,016.40
JUMLAH	5,756.65	6,152.26	6,581.58	7,024.47



Kesediaan Tanah untuk pembangunan



TERAS 2

PERTUMBUHAN EKONOMI YANG BERDAYA MAJU

1

Meningkatkan Daya Saing Sektor Pertanian Dengan Galakan Penyertaan Sektor Swasta Dan Memodenkan Sektor Pengeluaran Makanan Bagi Mengurangkan Pergantungan Import

2 Memperkukuhkan Fungsi Perniagaan Sedia Ada



Tanaman Nanas



Ladang Kurma

3

Mengklusterkan Atau Mengezonkan Kawasan Perindustrian

4

Peningkatan Imej Industri Sedia Ada

1

Kluster Industri Ringan:

- Cadangan Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Bandar Pontian

2

Kluster Industri Ringan:

- Cadangan Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Bandar Benut

3

Kluster Industri Ringan:

- Cadangan Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Bandar Ayer Baloi

6

Kluster Industri Berat:

- Taman Perindustrian Tanjung Bin (Cadangan Kluster Industri Berat)

4



Kluster Industri Sederhana:

- Kawasan Perindustrian Pontian
- Kawasan Perindustrian Maju (Mengekal industri sedia ada)

5


Kluster Industri Sederhana:

- Kawasan Perindustrian Pekan Nanas
- Kawasan Perindustrian Pekan Nanas 2
- Kawasan Perindustrian Alam Jaya
- Kawasan Perindustrian Ulu Choh (Mengekal industri sedia ada)



TERAS 2

PERTUMBUHAN EKONOMI YANG BERDAYA MAJU



Menerapkan konsep I-Park


Konsep Kluster Industri

Penggunaan Sisa Kepada Tenaga (*waste to energy*)

Perindustrian Berteknologi Tinggi Dan Binaan Teknologi Hijau

4
KATEGORI

Cadangan Penyelesaian Di Dalam Program Pemutihan Industri Iaitu:



5 Pelaksanaan Modul-modul Menggunakan Hub Sokongan Pendidikan

6 Membangunkan Setiap Kawasan Tumpuan Pelancongan

7 Mewujudkan Pakej Pelancongan Bersepadu "Tourist Trail"

8 Memperkukuhkan Kemudahan Pelancongan Sedia Ada



Kemahiran Dalam Bidang Kejuruteraan



Kemahiran Dalam Bidang Marin



Permainan maze nanas



Tandas Awam Yang Menarik dan Bersih

TERAS 3

PENINGKATAN TARAF DAN KUALITI HIDUP PENDUDUK

STRATEGI PEMBANGUNAN

- 1 Menawarkan Perumahan Yang Mencukupi, Berkualiti dan Mampu Milik
- 2 Menyediakan Zon Perumahan Selaras Dengan Tekanan Pembangunan Masa Kini dan Masa Hadapan
- 3 Transformasi Kawasan Perumahan dalam Bandar dan Melaksanakan Program Pembasmian Setingan



Projek Perumahan Rakyat

Densiti Perumahan Di Pontian

KAWASAN	DENSITI
Pusat Bandar	40-80 unit
Kawasan Stesen Pengangkutan Utama	40-80 unit
Pusat Tempatan Utama, Pusat Tempatan Kecil dan Kawasan Keutamaan Pembangunan	24-60 unit
Kawasan Zon Pertanian	6-10 unit

Keperluan Kediaman Sehingga Tahun 2030

DAERAH PONTIAN		
BILANGAN SEMASA PERUMAHAN (Tahun 2015)	BILANGAN UNJURAN PERUMAHAN (Tahun 2015 - 2035)	BILANGAN PERTAMBAHAN UNIT PERUMAHAN
57,267 unit	76,418 unit	19,151 unit (6,699 unit perumahan mampu milik)




Cadangan Projek Perumahan Rakyat Di Mukim Air Balo



Cadangan Projek Perumahan Rakyat Di Mukim Jeram Batu



Cadangan Projek Perumahan Rakyat Di Mukim Jeram Batu



Cadangan Projek Perumahan Rakyat Di Mukim Rimba Terjun



Cadangan Penempatan Semula Setingan Di Mukim Benut



Cadangan Penempatan Semula Setingan Di Mukim Pontian

TERAS 3

PENINGKATAN TARAF DAN KUALITI HIDUP PENDUDUK

4 Menyediakan Kemudahan Masyarakat Yang Mencukupi dan Terancang

JENIS KEMUDAHAN	KEPERLUAN SEHINGA TAHUN 2030	PENAMBAHAN (2016 – 2030)
Kemudahan Kesihatan		
Hospital	0	0
Klinik Kesihatan	2	1
Klinik Desa	54	25
Kemudahan Pendidikan		
Sekolah Menengah	9	0
Sekolah Rendah	41	0
Sekolah Agama	41	3
Tabika & Pra Sekolah	254	97
Kemudahan Keselamatan		
Balai Polis	9	4
Pondok Polis	18	17
Balai Bomba	1	1
Kemudahan Keagamaan		
Masjid	18	0
Surau	86	3
Rumah Ibadat Bukan Islam	41	0
Kemudahan Perkuburan		
Tanah Perkuburan Islam	45.2 ha	5.93 ha
Tanah Perkuburan Bukan Islam	8.2 ha	0
Kemudahan Sosial		
Dewan Serbaguna / Dewan Orang Ramai	18	5
Balai Raya	41	24
Perpustakaan Daerah	1	0
Perpustakaan Desa	18	12

5 Meningkatkan Kualiti Keselamatan Terhadap Pengguna Kemudahan Masyarakat

6 Menggalakkan Penyediaan Kemudahan Masyarakat Secara Berintegrasi Dengan Kegunaan Bangunan Lain

7 Memperkukuhkan Ekonomi Desa

8 Mewujudkan Petempatan Desa Yang Kondusif Serta Komuniti Yang Sejahtera



Program "Community Policing"



IKS Pemangkin Ekonomi Desa

9 Menyediakan Ruang Awam Yang Selesa dan Selamat Serta Penyelenggaraan Secara Komprehensif

10 Mewujudkan Dan Memperkukuhkan Imej Pusat Bandar Yang Lebih Jelas dan Beridentiti Berdasarkan Fungsi Dan Hierarki



Taman Awam Tepi Laut



Bandar Pontian

TERAS 4

SISTEM RANGKAIAN PERHUBUNGAN DAN INFRASTRUKTUR YANG KOMPREHENSIF

STRATEGI PEMBANGUNAN

- 1

Membangunkan sistem pengangkutan awam yang komprehensif dan bersepadu
- 2

Menambah baik rangkaian perhubungan jalan darat yang menyeluruh
- 3

Mewujudkan sistem pengangkutan logistik yang kompetitif dan cekap



Terminal Transit T2



Terminal Transit T3



Terminal Transit T4



Terminal Transit T5

A

Cadangan Menaiktaraf Jalan Sedia Ada

NO PROJEK	CADANGAN PROJEK	BIL LORONG	JARAK (KM)
1	Jalan Sawah	4	21.70
2	Jalan Parit Panjang Sedenak	4	20.10
3	Jambatan Pontian Kechil	4	0.12
4	Jambatan Pontian Besar	4	0.24
5	Jalan Ulu Choh- Gelang Patah	4	7.77
6	Jalan Persekutuan 5 Pontian-Batu Pahat	4	55.3
7	Jalan Persekutuan 95	4	19.20
8	Jalan Persekutuan 96	4	19.20

B


Cadangan Jalan Baru

NO PROJEK	CADANGAN PROJEK	BIL LORONG	JARAK (KM)
1	Jalan Pintasan Tg Pelepas- Kg Serkat	4	10.65
2	Jalan Pekan Nanas-Tanjung Piai	2	15.00
3	Pintasan Pekan Nanas	2	7.49
4	Lingkar Dalam Pontian	4	11.20
5	Lebuhraya Pantai Barat	4	54.20
6	Lingkar Luar Johor Bahru	4	31.00
7	Pintasan Johor Bahru-Pontian	4	13.20

C

Cadangan Pembangunan Terminal Transit

NO PROJEK	CADANGAN PROJEK	CADANGAN	JARAK (KM)
T2	Terminal Transit (T2) Pontian	Baru	8.00
T3	Terminal Transit (T3) Pontian	Naik Taraf	2.00
T4	Terminal Transit (T4) Kukup	Naik Taraf	0.50
T4	Terminal Transit (T4) Benut	Naik Taraf	0.50
T4	Terminal Transit (T4) Pekan Nanas	Baru	0.50
T5	Terminal Transit (T5) Ayer Baloi	4	31.00



TERAS 4

SISTEM RANGKAIAN PERHUBUNGAN DAN INFRASTRUKTUR YANG KOMPREHENSIF

4 Menyediakan Prasarana Infrastruktur Dan Utiliti Yang Mencukupi Dan Mampan

BEKALAN AIR

Keperluan semasa: 78.64 JLH
Penawaran semasa: 90.83 JLH
Keperluan unjuran: 126.07 JLH



BEKALAN ELEKTRIK

Keperluan semasa: 113.45 MVA
Penawaran semasa: 210 MVA
Keperluan unjuran: 264.13 MVA



SISTEM PEMBENTUNGAN

Keperluan semasa: 53,450 PE
Penawaran semasa: 63,889 PE
Keperluan unjuran: 330,353 PE



SISTEM PENGURUSAN SISA PEPEJAL

Keperluan semasa: 134 tan/hari
Penawaran semasa: 100 tan/hari
Keperluan unjuran: 270 tan/hari




Pelaksanaan Strategi Sifar Sisa Pepejal



TALIAN TETAP

Keperluan semasa: 23,659 Talian
Penawaran semasa: 49,099 Talian
Keperluan unjuran: 33,035 Talian



Empangan Gunung Pulau

Unjuran Penawaran dan Permintaan Utiliti dan Infrastruktur Sehingga Tahun 2030

TERAS 5

PENGURUSAN SUMBERJAYA SEMULAJADI SECARA MAMPAN

STRATEGI PEMBANGUNAN

1

Mengekalkan, Memelihara dan Menguruskan Kawasan-Kawasan Sumberjaya Alam Sekitar dan Kawasan Berkepentingan Tinggi Terhadap Daerah Mahupun Negeri Serta Mengawal Pembangunan Di Kawasan Yang Dikenalpasti

Hutan Darat
387.36 hektar

Hutan Paya
9,228.82 hektar

Jumlah Keluasan Hutan
9,616.18 hektar

Jumlah Kawasan KSAS
75,102.76 hektar

KSAS Tahap 1

- Semua kawasan perlindungan, kawasan perlindungan berpotensi dan tanah lembap.
- Hutan Paya Bakau
- Kawasan tadahan empangan sedia ada dan cadangan.
- Kawasan persisir pantai
- Kawasan berkontur melebihi 1000m

Kawalan Pembangunan

- Tiada pembangunan, pertanian atau pembalakan dibenarkan.
- Terhad kepada aktiviti pelancongan alam semulajadi impak rendah serta penyelidikan dan pendidikan.

KSAS Tahap 2

- Kawasan rumpai laut ("Seagrass beds")
- Zon penampungan hutan bakau
- Lain-lain kawasan hutan, koridor penghubung kawasan perlindungan, zon penampungan di sekitar KSAS tahap 1.
- Semua kawasan berkontur 300m – 1000m.

Kawalan Pembangunan

- Tiada pembangunan atau pertanian dibenarkan.
- Pembalakan mapan dan pelancongan alam semulajadi yang rendah impaknya akan dibenarkan, bagaimanapun ia bergantung kepada halangan setempat.

KSAS Tahap 3

- Kawasan tanah gambut
- Zon penampungan di sekitar KSAS Tahap 2.
- Kawasan tadahan takat pengambilan air (water intakes), kawasan tadahan air tanah (telaga).
- Zon penampungan hutan bakau 2 km
- Semua kawasan antara 150m – 300m, semua kawasan berisiko hakisan melebihi 150 tan/hek/tahun.

Kawalan Pembangunan

- Pembangunan terkawal di mana jenis dan intensiti pembangunan akan dikawal bergantung kepada ciri-ciri halangan.




Hutan Simpan Sungai Pulau



Hutan Simpan Pulau Kukup

Tahap Kawasan Sensitif Alam Sekitar



TERAS 6

SISTEM URUSTADBIR YANG CEKAP


STRATEGI PEMBANGUNAN

1 Memperkasa Organisasi Pihak Berkuasa Tempatan


2 Meningkatkan Hasil Pendapatan Dan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

Sebanyak **158 projek strategik** telah dikenapasti yang merangkumi setiap teras pembangunan.


CADANGAN PENAMBAIKAN CARTA ORGANISASI MAJLIS DAERAH PONTIAN



Cadangan Projek Mengikut Teras



Projek Mengikut Fasa dan Kos Pembangunan





Ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada :



MAJLIS DAERAH PONTIAN

PLANMalaysia@Johor

PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

**dan semua yang turut terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan
Draf Rancangan Tempatan Daerah Pontian-Batu Pahat (Penggantian) 2030**